



SIARAN MEDIA
PRESS RELEASE

JABATAN PERDANA MENTERI
PRIME MINISTER'S DEPARTMENT

PENAFIAN

NOTIS TAWARAN TENDER RUNDINGAN TERUS (JEMPUTAN KHAS)

Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Perdana Menteri tidak pernah mengeluarkan sebarang Tawaran Rundingan Terus (Jemputan Khas) bagi “Cadangan Membina dan Menyiapkan Kompleks Pejabat UTC Shah Alam, Selangor Darul Ehsan Yang Diwujudkan Untuk Meningkatkan Kerjasama Strategik Di Antara Jabatan-Jabatan dan Agensi-Agensi Kerajaan Di Bawah Strategi Lautan Biru (NBOS)”.

Jabatan Perdana Menteri ingin turut menegaskan tidak pernah mengeluarkan sebarang tawaran rundingan terus melalui surat, e-mel atau panggilan telefon bagi pembinaan Kompleks Pejabat UTC di mana-mana lokasi.

Orang ramai dinasihatkan agar sentiasa waspada serta berhati-hati dan menyemak kesahihan tawaran-tawaran seperti ini dengan menghubungi pihak Kementerian atau Jabatan berkaitan melalui saluran komunikasi rasmi.

**Dikeluarkan oleh ;
Jabatan Perdana Menteri
5 Februari 2018**



UNIT TRANSFORMASI NASIONAL
JABATAN PERDANA MENTERI
BLOK B16, KOMPLEKS JABATAN PERDANA MENTERI,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PUSAT,
62502 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

TALIAN PEJABAT: 03-86088588

Tarikh: 09-01-2018

Notis Tawaran Tender Rundingan Terus (Jemputan Khas)

Syarikat adalah dipelawa untuk mengambil bahagian dalam projek dibawah melalui satu notis tawaran tender rundingan terus:
ADVANCE PACT SDN BHD
03-777258636

Cadangan Membina & Menyiapkan Kompleks Pejabat UTC Shah Alam, Selangor Darul Ehsan Yang Diwujudkan Untuk Meningkatkan Kerjasama Strategik Di Antara Jabatan-Jabatan Dan Agensi-Ageni Kerajaan Di Bawah Program Strategi Lautan Biro (NBOS)
- Pejabat Bertingkat 15, Pusat Bersukan/Beriadah Untuk Rakyat Dan Tempat Letak-Kubur Berta Bawah Tanah – 3 Tingkat

Perihal Pakej

(Pakej 3A) Kontraktor Kerja Pembinaan – Bangunan
(Pakej 3B) Kontraktor Kerja Pembinaan – Kejuruteraan Awam

Rujukan Kontrak UTC/PE/1/032/SEL/2017 **Tempoh Kontrak** Dua Tahun (2018-2019)
Pegawai Bertugas Sdr. Hubungi Tim Pengarah Komunikasi Korporat kami, Encik Wong Wai Joon Di Talian
Untuk Dihubungi 013-5232902 Untuk Keterangan Lanjutan

Syarikat yang menerima notis tawaran secara rundingan terus ini diwajibkan untuk menyediakan dokumen-dokumen berikut untuk diteliti kemampuan oleh Perunding Usaha Transformasi Projek yang telah dilantik oleh Unit Transformasi Nasional, JPM

- (1) Surat Muka (Letterhead) Syarikat Menyatakan Setuju Untuk Menerima Notis Tawaran Tender Rundingan Terus Ini
- (2) Salinan Sijil Pendaftaran SSM (Borang 9, Borang 24 Dan Borang 49)
- (3) Profil Penuh Syarikat (Lembara Pengarah, Saham Syarikat & Pengalaman Yang Terdahulu)
- (4) Deposit Rundingan Terus Dalam Bentuk 'Instant Fund Transfer' (IFT) atau 'Inter-Bank Giro' (IBG) Bernilai Ringgit Malaysia Tujuh Ribu (RM7,000) Ke Akaun RHB Bank 2-12189-0005200-6 Atas Nama Perunding Usaha Transformasi

- (A) Deposit Untuk Rundingan Terus ini akan dikembalikan/dipulangkan sekiranya syarikat gagal menerima perantukan rasmi dalam masa tidak melebihi dari lima belas (15) hari berkerja dari tarikh surat tawaran notis runding terus ini.
 (B) Penghantaran Dokumen yang tidak lengkap iaitu (dokumen no. 1 hingga no. 4) tidak akan dipertimbangkan.

Keempat Dokumen diatas hendaklah dihantar secara e-mel ke usahatransformasi@gmail.com untuk perhatian
 Ir. Wan Keng Yew

SEBELUM PUKUL 5.00 PETANG PADA HARI KHAMIS, 11-01-2018

Mesyuarat Projek mengenai perlaksanaan, anggaran & unjuran kos projek dan taklimat projek akan diadakan minggu depan yang akan dipengerusikan oleh saya bersama dengan pegawai-pegawai kanan saya dari Unit Transformasi Nasional, JPM
 Saya yang berkhidmat,

Salam 1 Malaysia

(Dato' Ismail Bin Haji Shafiee)
 Ketua Pengarah
 Unit Transformasi Nasional
 Jabatan Perdana Menteri

PROJEK DIBAWAH TRANSFORMASI NASIONAL (TN 50)

